

Artikel Penyelidikan

Karyawan Bintang Termasyhur: Ellie Suriaty Omar.

Nur Syahirah Yusoff¹, Wan Azia Maria Wan Mazlan², Nurulannisa Abdullah^{3*}, dan Noor Rahmawati Alias⁴

¹ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; nursyahirahysf@gmail.com;

² Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; wanaziamaria@gmail.com;

³ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

⁴ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343

* Correspondence: annisa@uitm.edu.my; +60193633936.

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama seorang pelakon dan pengarah wanita Malaysia iaitu Puan Ellie Suriaty Omar ataupun lebih dikenali sebagai Puan Ellie Suriaty untuk mengetahui tentang pengalaman dan kerjaya beliau dalam bidang lakonan dan pengarahan. Tujuannya adalah untuk mengumpulkan fakta, memori dan pengalaman peribadi tokoh tersebut yang mempunyai nilai yang baik. Dua sesi temu bual telah dijalankan secara dalam talian di antara tokoh dan para pengkaji menggunakan platform yang sesuai iaitu Google Meet. Puan Ellie Suriaty ialah seorang pelakon dan pengarah wanita Malaysia. Terdapat tiga objektif kajian ini iaitu pertama, untuk mengetahui tentang pengalaman dan sumbangan tokoh dalam bidang lakonan di Malaysia sehingga terkenal. Kedua, untuk menghasilkan satu dokumen lisan yang disaksikan oleh mata, pendengaran dan keterangan secara lisan dalam bentuk rakaman ataupun transkrip. Objektif kajian yang terakhir ialah untuk mengenalpasti setiap proses sejarah lisan dengan lebih tepat. Kini, bakat semulajadi Puan Ellie Suriaty terserlah kerana beliau adalah seorang pelakon dan pengarah yang serba boleh. Justeru, nama beliau kini sebaris dengan nama-nama besar tanah air. Seterusnya, pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Puan Ellie Suriaty semasa menceburি bidang lakonan sehingga terkenal. Pengalaman dan kerjaya beliau dapat dijadikan sebagai insipirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Ellie Suriaty Omar, Pelakon Wanita Malaysia, Pengarah Wanita Malaysia, Seni Tanah Air, Sejarah Lisan.

DOI: 10.5281/zenodo.15393294



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan satu kaedah ataupun satu perkara yang telah terjadi pada masa lalu yang akan dikaji dan direkodkan semula sebagai sumber rujukan kepada para pengkaji pada masa hadapan kerana ia merupakan pengumpulan fakta - fakta dari peristiwa yang dialami oleh seseorang. Pengertian sejarah lisan yang dipetik dari Laman Web Pusat Pengajaran Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), mengatakan bahawa sejarah lisan adalah satu pengalaman bersejarah yang dihadapi oleh seseorang tokoh yang dipilih dan dirakamkan secara wawancara. Maklumat yang telah diperolehi akan disalin, disemak, dan ditaip sebagai sumber penyelidikan. Oleh yang demikian, penggunaan sejarah lisan adalah sebagai cabang sejarah yang sangat penting memandangkan kekurangan sumber bertulis dan sumber arkeologi dalam pengkajian sesebuah sejarah. Tujuannya adalah untuk mengumpulkan fakta, memori dan pengalaman peribadi tokoh tersebut yang mempunyai nilai yang baik.

Selain itu, antara proses yang perlu dijalankan untuk penghasilan sejarah lisan tentu memainkan peranan yang penting untuk melengkapkan transkrip. Setiap penyelidik harus membuat perancangan yang awal untuk menetapkan tajuk kajian, maklumat awal dan membina soalan-soalan yang akan disoal kepada tokoh tersebut. Setelah itu, penyelidik haruslah mengenalpasti latar belakang dan maklumat-maklumat yang penting tentang tokoh tersebut dan seterusnya mengumpulkan maklumat yang diperolehi melalui temubual dan rakaman yang telah dijalankan bersama beliau. Selepas pengumpulan maklumat, penyelidik perlu menghadapi proses transkrip yang memerlukan penelitian yang agak sukar kerana butir-butir setiap percakapan dalam rakaman harus dipindahkan kepada bentuk tulisan. Dengan itu, penyelidik akan membuat penulisan tentang hasil kajian dan mengurus hasil kajian tersebut dengan baik.

Seterusnya, kajian ini adalah untuk menjalankan satu temubual sejarah lisan tentang tokoh veteran yang dipilih untuk dijadikan satu penulisan dan transkrip berdasarkan maklumat yang diperolehi. Proses pemilihan tokoh dijalankan dengan menentukan tajuk dan skop maklumat yang hendak dijalankan samaada dari segi pelakon, pengarah, penyanyi dan sebagainya yang mempunyai keistimewaan dan pengalaman yang berbeza dalam diri mereka yang perlu dikaji untuk sumber masa hadapan. Pemilihan tokoh adalah dari segi lakonan dan pengarahan yang mempunyai pengalaman yang banyak berkaitan dengan bidang seni itu. Oleh itu, tokoh tersebut adalah yang tepat untuk ditemubual kerana beliau mempunyai maklumat-maklumat yang baik berdasarkan penglibatannya sendiri.

Tokoh yang telah dipilih ialah Puan Ellie Suriaty Omar yang merupakan seorang pelakon dan juga pengarah wanita di Malaysia yang sudah bertahun berkarya dalam bidang seni. Beliau telah mencebur i bing ini dengan keyakinan dan semangat yang tinggi yang ada pada beliau sehingga dapat mengharumkan seni tanah air di Malaysia. Beliau telah memenangi kategori Pelakon Pembantu Wanita Terbaik di Festival Filem Malaysia ke-16 yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), iaitu beliau memenangi anugerah tersebut memlaui satu filem yang bertajuk Soalnya Siapa? Selain itu, pada tahun 2016, Puan Ellie Suriaty juga telah dilantik sebagai tenaga pengajar Akademi Fantasia 2016 dan menjadi Guru Seni Persembahan. Kini, bakat semulajadi Puan Ellie Suriaty terserlah kerana beliau adalah seorang pelakon dan pengarah yang serba boleh. Nama beliau juga kini sebaris dengan nama-nama besar tanah air di Malaysia.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian yang pertama adalah kekurangan sumber bertulis untuk penyelidikan pada masa kini dan hadapan. Hal ini kerana, terdapat kekosongan sumber bertulis yang mengakibatkan para penyelidik pada sukar untuk menambahkan rujukan mereka untuk hasil kajian. Hanya segelintir sahaja para penyelidik pada masa sekarang menggunakan tradisi lisan sebagai satu-satunya sumber sejarah kerana ia memerlukan proses dan pendekatan yang agak sukar dan harus dengan penelitian yang baik menggunakan maklumat-maklumat yang tertentu untuk membuat keputusan. Terdapat beberapa proses yang perlu diikuti untuk melakukan sejarah lisan yang menyebabkan para penyelidik lebih cenderung memilih membuat penulisan kajian lisan menggunakan rujukan yang telah ada. Oleh itu, kajian ini dapat memberi pencerahan kepada para penyelidik untuk memilih sejarah lisan untuk setiap penyelidikan supaya memperoleh ilmu, maklumat dan bukti yang sahih.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menfokuskan kepada tiga objektif utama sebagaimana yang berikut:

1. Untuk mengetahui pengalaman dan sumbangan tokoh dalam bidang lakonan di Malaysia.
2. Untuk menghasilkan satu dokumen lisan yang disaksikan oleh mata, pendengaran dan keterangan secara lisan dalam bentuk rakaman ataupun transkrip.
3. Untuk mengenal pasti setiap proses sejarah lisan dengan lebih tepat.

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah berasaskan kepada objektif kajian yang telah digariskan. Barikut adalah persoalan kajian:

1. Apakah yang menjadikan seseorang tokoh itu mengukir kejayaan dalam bidang lakonan dengan mempersempurnaan bakat lakonan mereka kepada rakyat Malaysia?
2. Apakah kaedah untuk menghasilkan penulisan kajian secara lisan yang bagus?
3. Apakah proses sejarah lisan yang tepat dan perlu diikuti oleh para penyelidik?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Sejarah lisan penting untuk memberi gambaran yang sahih dan jelas mengenai seseorang tokoh. Hal ini sedemikian kerana peristiwa dan pengalaman yang dialami oleh tokoh sama ada pada masa dahulu atau sekarang adalah melalui rakaman temubual atau wawancara bersama tokoh itu sendiri. Hasil kajian ini akan menjadi sumber rujukan kepada penyelidik yang akan datang untuk mengkaji tentang tokoh yang dipilih. Ia membolehkan para penyelidik membuat tambahan kepada kajian mereka dengan lebih tepat dan sistematik supaya semua maklumat yang ingin dikumpulkan adalah berasaskan sumber maklumat yang betul dan tepat.

Kajian ini juga dapat menjadi inspirasi dan semangat kepada penyelidik untuk sentiasa menggunakan kaedah lisan dalam membuat kajian kerana ia merupakan satu gambaran awal kepada penyelidik tentang fakta sejarah dan ianya bukan rekaan semata-mata. Oleh itu, kajian secara lisan amat penting untuk penyelidik itu sendiri bagi mendapatkan pendedahan kepada fakta sejarah yang mereka minati, mahupun kepada generasi penyelidik pada masa akan datang. Kajian ini boleh membantu generasi baharu supaya mencari kebenaran sejarah melalui kaedah yang betul. Hal ini kerana sumber yang utama merupakan sumber yang tepat dan dapat menjadi satu rujukan kepada kajian yang ingin dijalankan. Ia adalah jelas dari segi kesahihan maklumat tersebut dan dapat dijadikan bukti untuk rujukan pada masa hadapan bagi kajian yang lebih mendalam dan terperinci.

Selain itu, kajian ini merupakan satu wadah bagi menghargai jasa dan sumbangan tokoh-tokoh veteran kepada negara kerana mereka merupakan individu yang telah lama dan sudah tentu mempunyai pengalaman dan pengajaran yang baik untuk generasi muda. Dengan menemubual mereka, para pengkaji sedikit sebanyak mendapat ilmu pengetahuan dan akan menerapkan nilai-nilai positif dalam diri masing-masing. Dengan ilmu dan pengalaman yang dikongsi, ia akan menjadi pedoman yang mampu meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan masyarakat.

6. TINJAUAN LITERATUR

Salah satu masalah dalam pengembangan kebudayaan atau kesenian di Malaysia ialah kesukaran mendapatkan maklumat tentang badan-badan penggiat kebudayaan atau kesenian (Roosfa Hashim, 2010). Maka, tujuan tinjauan literatur diadakan adalah untuk menerangkan dengan lebih mendalam tentang kajian yang dilakukan oleh penyelidik tentang penulisan yang membawa kepada perbincangan secara ringkas mengenai hasil penyelidikan terutamanya mengenai artis veteran.

Seniwati merujuk kepada seseorang yang kreatif, atau inovatif, atau mahir dalam sesuatu bidang seni atau lebih dikenali sebagai artis (Kamus Melayu Educalingo, 2020). Sebagai contohnya, pelakon, penari, penyanyi, pemuzik dan pelukis. Ahli sejarah seni dan pengkritik seni mendefinisikan artis sebagai orang yang mencipta seni dalam sempadan yang diiktiraf. Pada tahun 1980-an, istilah artis digunakan untuk menggantikan istilah seniman dan seniwati kerana mengikut peredaran zaman. Justeru, perkataan artis juga telah diambil daripada bahasa Inggeris yang bermaksud seniman. Manakala, veteran pula bermaksud orang yang banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat). Ini bermakna seseorang yang mempunyai banyak pengalaman sama ada dalam bidang tarian, lakonan, nyanyian atau muzik. Namun, terdapat juga segelintir yang mempunyai bakat semulajadi atau pekerjaan yang dijalankan secara profesional.

Menurut Ramlah Ram (2018), gelaran veteran, otai atau legenda sesuai digelar apabila seseorang artis itu sudah bersara dari bidang diceburinya kerana nama mereka akan sentiasa diingati buat selama-lamanya. Justeru, menerusi artikel Gempak (2020), masyarakat beruntung memiliki seleksi pelakon otai yang masih aktif dalam bidang seni biarpun meniti usia emas. Ini kerana, keberadaan mereka menjadi kompas buat artis baharu untuk mencorakkan perjalanan karier seni mereka.

Seterusnya, lakonan bermaksud cara berlakon atau cara melakonkan sesuatu peranan dalam drama seperti sandiwara yang memuaskan (Kamus Dewan Edisi Kedua, 2017). Lakonan ialah salah satu aktiviti manusia yang bertujuan untuk mengembirakan hati dengan cara meniru watak yang berlainan dengan dirinya yang sebenar. Ini merupakan sesuatu lakonan yang menggabungkan beberapa elemen seperti suara, emosi, pergerakan, imaginasi dan kreatif. Oleh itu, keperibadian dan minat seorang seniman visual dalam menghasilkan seni adalah elemen penting dalam memastikan kepuasan mereka ketika berkarya. Hal ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti mereka. (Syed Alwi Syed Abu Bakar, 2021)

Di samping itu, pengarahan juga terlibat dalam industri seni yang membawa maksud orang yang berkerja sebagai pengarah dalam mengarah filem, drama atau sebagainya (Kamus Dewan dan Pustaka, 2017). Pengarah filem berperanan untuk memberi arahan kepada pemeran dan kru dan mencipta visi keseluruhan di mana sebuah filem akhirnya menjadi kenyataan atau diperhatikan. Maka, tugas pengarah filem adalah untuk memikirkan cara untuk menterjemahkan lakon layar menjadi filem yang terbentuk sepenuhnya, dan kemudian merealisasikan visi ini. Dalam erti lain, pengarah juga harus mampu berkomunikasi secara visual dan menterjemahkan skrip ke dalam filem menerusi penggunaan sudut yang baik (Abdul Razak Haja Mohaideen, 2018) kerana mereka berperanan untuk memotret dan memberi maklum balas yang tepat kepada pelakon dan kru. Oleh itu, pengarah perlu memastikan bahawa semua individu yang terlibat dalam produksi filem berusaha menuju visi yang sama untuk filem yang disiapkan.

Menurut Abdul Razak Haja Mohaideen, 2018, adalah disarankan agar penerbit dan pengarah untuk memperbanyakkan bahan bacaan bagi mendapatkan idea baru untuk menghasilkan sebuah skrip yang lebih berunsur realisme dan berkualiti. Selain membaca, penontonan filem-filem luar dari

pelbagai negara juga digalakkan bagi menghasilkan satu skrip yang baru dan berbeza. Oleh itu, terdapat banyak jalan untuk menjadi pengarah filem seperti menghadiri sekolah perfileman berkolaborasi pada lakon layar dengan rakan penulisan lama.

Selain itu, menurut Abdul Razak Mohaideen, 2016, industri filem adalah suatu industri yang dipenuhi dengan pelbagai ideologi dan dihasilkan oleh pengarah yang mempunyai pelbagai pandangan. Beliau menyatakan bahawa ada sesetengah pihak beranggapan tentang industri filem hanya sebagai sebuah alat atau institusi hiburan semata-mata dan hanya menyajikan apa yang diinginkan oleh penonton adalah tidak benar. Namun menerusi Kamus Dewan dan Pustaka, 2017, filem bermaksud dokumentari filem yg memaparkan kisah sebenar tentang sesuatu perkara atau peristiwa dengan menggambarkan atau membuat cerita dalam bentuk filem. Industri filem adalah industri yang sukar untuk diusahakan dari sudut pembangunan modal insan. Ini kerana, ia hendaklah diuruskan oleh mereka yang berpengetahuan luas dalam ilmu teknologi terkini, sosial dan ekonomi supaya dapat membentuk modal insan pada masa akan datang. Oleh itu, melalui usaha yang kerap di dalam membangunkan industri filem tempatan, kita seharusnya sedar dan peka terhadap filem yang bukan hanya berlandaskan hiburan semata-mata, namun dianggap sebuah bidang profesional yang memfokuskan modal insan. (Abdul Razak Mohaideen, 2016)

7. METODOLOGI

Penyelidik telah menggunakan dua kaedah untuk melengkapkan penyelidikan terhadap kajian ini. Antara dua kaedah tersebut ialah kaedah rujukan dan kaedah temubual. Penyelidik melakukan kajian melalui kaedah temubual iaitu penyelidik menemubual tokoh, Puan Ellie Suriaty Omar. Beberapa soalan temubual akan disediakan untuk memudahkan proses menemubual bersama tokoh yang merangkumi soalan berkaitan kerjaya beliau. Kaedah temubual ini dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai latar belakang dan sumbangan beliau dalam industri seni.

Seterusnya, selaras dengan perkembangan teknologi pada masa kini, internet merupakan satu sumber yang pantas untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, penyelidik telah membuat kajian rujukan di internet dengan menggunakan pangkalan data ‘Google Scholar’ dan sumber maklumat secara dalam talian yang difikirkan sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan tambahan. Ini kerana, penyelidik ingin mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci mengenai tokoh untuk menyokong penerangan tokoh.

7.1 Pendekatan Kajian

Kaedah temubual yang dilakukan adalah secara atas talian. Penyelidik memilih platform Google Meet untuk menemubual tokoh dan sesi temu bual tersebut diadakan dengan persetujuan tokoh. Justeru, penyelidik juga merekod setiap perbualan semasa temubual berlangsung sebagai bahan bukti dan rujukan kajian ini. Rakaman itu akan diterjemahkan dalam bentuk penulisan supaya senang difahami.

7.2 Peserta Kajian

Tokoh telah dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu tokoh seniman veteran. Antara kriteria yang perlu dipenuhi ialah seperti berikut:

- i. Berumur 50 tahun ke atas.
- ii. Mempunyai latar belakang dan pengalaman yang menarik
- iii. Sihat tubuh badan
- iv. Tokoh pernah menerima pencapaian dalam kerjaya beliau

Puan Ellie Suriaty Omar atau lebih dikenali sebagai Puan Ellie Suriaty merupakan seniman veteran terkenal dalam bidang lakonan, pengarahan dan pementasan teater. Beliau mempunyai sepasang Cahaya mata, seorang lelaki dan seorang perempuan. Beliau telah memulakan pendidikan di Sekolah Tengku Ampuan Rahimah (STAR), Klang. Kemudian beliau menyambung pengajian di Sekolah Sultan Ibrahim Girl School (SIGS), Johor Bharu. Beliau merupakan seorang yang aktif dalam menyertai persatuan dan aktiviti di sekolah seperti menyertai pancaragam sekolah, bermain alat muzik trombon serta menyertai kuiz. Justeru, beliau juga pernah memulakan kerjaya sebagai seorang peramugari selama tujuh tahun namun terpaksa meletakkan jawatan setelah berjaya menghadiri ujubakat lakonan. Keputusan yang dilakukan itu tidak mengecewakan beliau setelah beliau berjaya membuktikan penglibatan beliau sebagai anak seni dengan pencapaian yang diterima dimana merangkumi tiga medium iaitu lakonan, pengarahan dan pementasan teater demi memartabatkan seni budaya di mata dunia.

7.3 Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidik memulakan kajian dengan menghubungi tokoh terlebih dahulu untuk mengetahui sama ada tokoh bersetuju untuk bekerjasama dalam menjalankan kajian ini. Kemudian, penyelidik terus berhubung dengan tokoh melalui aplikasi WhatsApp dari semasa ke semasa untuk memudahkan kedua-dua pihak dalam mendapatkan informasi tentang proses kajian. Penyelidik melakukan kajian melalui kaedah internet untuk mendapatkan maklumat mengenai tokoh dalam menyediakan soalan untuk temubual bersama tokoh.

Kaedah temubual dilakukan secara atas talian. Penyelidik memilih platform Google Meet untuk menemubual tokoh dan sesi temu bual tersebut diadakan dengan persetujuan beliau. Setiap perbualan yang dibicarakan akan direkod sepanjang temubual berlangsung sebagai bahan bukti bagi kajian ini. Antara prosedur dan langkah-langkah yang dilakukan dalam pengumpulan data kajian ini adalah:

- i. Mencari dan memilih tokoh
- ii. Menyiapkan kertas cadangan kajian
- iii. Menyediakan soalan untuk sesi temu bual
- iv. Menjalankan sesi temu bual
- v. Menyediakan transkrip
- vi. Proses mengubah bukti rakaman temu bual kepada bentuk penulisan

8. HASIL KAJIAN

Melalui dari sesi temu bual bersama Puan Ellie Suriaty Omar, beliau berkongsi, menjelaskan dan merungkaikan beberapa perkara. Berikut merupakan hasil kajian yang diperoleh semasa sesi temu bual bersama Puan Ellie Suriaty:

8.1 Definisi Aktor, Penulis Skrip, Pengarah, dan Penerbit

Aktor perlu mempunyai aura, karisma dan kekuatan dari segi fizikal dan mental kerana terdapat banyak cabaran yang akan ditempuhi sebagai seorang aktor. Justeru, beliau menyatakan bahawa seseorang aktor perlu mempunyai pemikiran yang kreatif kerana terdapat banyak watak yang perlu dilakonkan supaya perasaan itu sampai kepada penonton. Selain itu, setiap aktor hendaklah mempunyai kecerdasan emosi dimana mereka perlu memahami setiap watak yang diberikan supaya dapat tandingi barisan artis senior atau veteran. Mereka juga perlu mempunyai interaksi yang baik terhadap pasangan yang berlakon supaya dapat memberikan penampilan yang bagus.

Seterusnya, penulis skrip memainkan peranan penting dalam menjayakan sebuah filem atau drama kerana mereka perlu memahami setiap watak yang mahu diberikan kepada aktor. Mereka juga perlu bijak dalam pemilihan artis untuk sesebuah filem kerana ia akan memberi impak secara keseluruhannya. Justeru, penulis skrip hendaklah berlaku adil terhadap skrip-skrip yang dihasilkan dimana ia perlu seimbang dari segi pelakon muda dan veteran.

Pengarah filem mahupun drama hendaklah berlaku adil ketika bekerja kerana pengarah merupakan seorang ketua. Mereka berperanan untuk mengarah aktor, produksi dan kumpulan demi menjayakan sebuah filem. Jadi, mereka hendaklah mempunyai ketahanan mental untuk menempuh segala pendapat dan cabaran dalam penghasilan filem. Justeru, pengarah merupakan insan yang paling gembira sekiranya filem atau dramanya mendapat anugerah kerana ia merupakan penilaian yang baik untuk masa depan yang akan datang.

Penerbit juga mempunyai hak dan pendapat dalam sesebuah filem atau drama yang dihasilkan kerana mereka perlu mengetahui jalan cerita tentang filem tersebut. Mereka juga perlu memahami setiap watak yang dimainkan oleh aktor untuk menjadikan filem itu berhasil.

8.2 Pencapaian Tokoh Puan Ellie Suriaty

Puan Ellie Suriaty telah mendapat beberapa pencapaian selama penglibatan beliau dalam industri kreatif. Beliau telah terlibat dalam tiga bakat medium iaitu lakonan, pengarahan dan pementasan teater. Pengarahan beliau terhadap filem Penanggal iaitu filem arahan pertama telah membawa hasil setelah dianugerahi Anugerah Filem Cerek Digital Terbaik. Justeru, beliau juga mendapat anugerah Pelakon Komedi Terbaik serta Pelakon Wanita Terbaik di International Filem Festival New Delhi. Jadi, pencapaian yang dicapai oleh beliau dapat dijadikan contoh untuk semua masyarakat kerana kita hendaklah menghasilkan yang terbaik terhadap setiap perkara yang kita lakukan supaya ia memberikan hasil yang bagus demi kerjaya sepanjang masa.

8.3 Perkongsian Sikap dan Nilai Murni

Puan Ellie Suriaty menekankan sifat yang perlu ada dalam diri seseorang yang meliputi sikap kejujuran, ketelusan, keikhlasan dan keberanian. Ini adalah penting bagi seseorang yang mahu mendisiplinkan diri untuk menjadi lebih baik. Justeru, beliau menyatakan bahawa agama merupakan yang paling utama kerana jika tidak berpegang kepada agama, pendirian menjadi tidak jelas. Seterusnya, kita hendaklah belajar tentang hidup bermasyarakat seperti menjaga rakan sekeliling serta

bersikap tidak mementingkan diri sendiri dan mengutamakan rakan pasukan. Ini dapat menjadikan seseorang untuk bersikap kepimpinan terhadap sesuatu perkara.



Gambar 1: Puan Ellie Suriaty Omar

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, dengan adanya kajian seperti ini sedikit sebanyak dapat memberikan pengalaman bagi penyelidik dalam menambahkan sumber primer tentang tokoh artis veteran dalam bidang seni. Ini kerana, kerjaya sebagai anak seni bukan mudah kerana beliau telah banyak memberikan komitmen dan tenaga untuk menyajikan yang terbaik kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, penyelidik juga dapat mengenali latar belakang artis veteran yang telah berdekad menceburi bidang seni di Malaysia iaitu Ellie Suriaty Omar. Seterusnya, penyelidik dapat mengetahui tentang pencapaian dan cabaran yang dilalui oleh beliau demi memartabatkan seni budaya di mata dunia. Justeru, penyelidik juga telah didedahkan dengan kisah-kisah penglibatan tokoh di dalam bidang seni ini. Jadi dengan menjalankan kajian ini, penyelidik sedikit sebanyak dapat membantu dalam usaha memartabatkan warisan seni supaya tidak lapuk ditelan zaman.

RUJUKAN

- Abdul Razak Haja Mohaideen, & Mohd Syuhaidi Abu Bakar. (2018). Meneroka permasalahan tenaga modal insan dalam industri filem di Malaysia. In Forum Komunikasi (FK),13(1), 41-56. Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30194/1/30194.pdf>
- Abdul Razak Mohaideen. (2016). Pembangunan modal insan dan motivasi kerja dalam industri perfileman di Malaysia: Satu kajian ke atas industri filem cereka. https://etd.uum.edu.my/6414/1/s93539_01.pdf
- Ahmad Fakhruddin Mohd Tahir, Zulkefli Aini, & Rosmawati Mohamad Rasit. (2022). Pengaruh Emosi Terhadap Perubahan Personaliti Artis di Malaysia. Jurnal Pengajian Islam, 15(1), 42-53. <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/154/113>
- Amri Hassan. (2020). 5 Pelakon Wanita Otai Yang Masih Dirindukan Peminat. Gempak. <https://gempak.com/berita-terkini/5-pelakon-wanita-otai-yang-masih-dirindukan-peminat-36405>
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (2017). filem. Kamus Dewan (Edisi Keempat). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=filem>
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (2017). lakonan. Kamus Dewan (Edisi Keempat). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=lakonan>
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (2017). pengarah. Kamus Dewan (Edisi Keempat). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pengarah>
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (2017). seniwati. Kamus Dewan (Edisi Keempat). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seniwati>
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (2017). veteran. Kamus Dewan (Edisi Keempat). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=veteran>
- Hazman Azhar. (2017). Nota Sejarah Lisan dan Pendokumentasian: Bab 1 Kaedah dan Sumber Sejarah. Diambil pada 22 Julai 2022 dari <https://www.slideshare.net/FaFaiS/nota-sejarah-lisan-dan-pendokumentasian-bab-1-kaedah-dan-sumber-sejarah-sjhk3043>
- Kamus Educalingo. Definisi Seniwati. Diakses pada 20 Julai daripada <https://educalingo.com/ms/dic-en>
- Lin, S. H. (2020). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah? Diambil dari https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah
- Lu, L. J., & Wan Azizah Wan Mahmud. (2018). Persepsi Penonton Di Malaysia Terhadap Filem Yang Memenangi Academy Awards. Jurnal Wacana Sarjana, 2(3), 1-14. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/168/129>

Nadia Azam. (2018). Artis otai atau legenda OK, veteran tak mau. MalaysiaKini.
<https://www.malaysiakini.com/hiburan/428802>

Roosfa Hashim. (2010). Inventori Badan-Badan Kebudayaan dan Kesenian di Malaysia. Jurnal Melayu, 5, 375-408.
<https://core.ac.uk/download/pdf/11492035.pdf>

Syed Alwi Syed Abu Bakar, Mohd Fawazie Arshad, Azian Tahir, Aznan Omar & Noor Enfendi Desa. (2021). Seniman visual Malaysia: kepuasan kerja, komitmen dan produktiviti dalam proses penghasilan karya. Gendang Alam, 11(2), 33-48. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/3574/2322>

Universiti Kebangsaan Malaysia. (2007). Sejarah Lisan. Diambil pada 22 Julai 2022 dari
<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>